

15/04/2002

Tekun dapat suntikan tambahan RM140 juta

SEREMBAN, Ahad - Skim Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (Tekun) yang dimulakan dengan modal RM175 juta mendapat suntikan tambahan sebanyak RM140 juta.

Penambahan modal skim itu diluluskan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini, berikutan keyakinan kerajaan terhadap keberkesanan skim membantu peniaga kecil, terutama Bumiputera.

Pengerusi Yayasan Tekun, Abdul Hamid Abdul Rahman, berkata setakat ini 46,841 peniaga kecil seluruh negara mendapat faedah skim yang menawarkan pinjaman mudah tanpa cagaran atau penjamin.

Peminjam hanya perlu menunjukkan bukti lesen dan tapak perniagaan serta berniaga sepenuh masa untuk mendapat pinjaman hingga RM5,000 dan boleh ditambah hingga RM10,000.

Beliau berkata demikian selepas melancarkan Skim Tekun peringkat Seremban bernilai RM1.5 juta sempena mesyuarat perwakilan Umno bahagian Seremban, di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi, hari ini.

Turut hadir Ketua Umno bahagian Seremban, Datuk Ishak Ismail yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Lenggeng.

Abdul Hamid juga memberi amaran bahawa skim itu boleh ditarik balik jika jumlah pinjaman tidak berbayar bagi sesuatu bahagian meningkat hingga 50 peratus daripada jumlah yang diperuntukkan.

Bagaimanapun, katanya, skim itu setakat ini berjalan lancar dengan semua peminjam membayar balik pinjaman.

Katanya, kaedah yang digunakan bagi memastikan tiada masalah pembayaran balik ialah pegawai Skim Tekun menggunakan pendekatan bersahabat dengan peminjam.

"Ini memudahkan pegawai berkenaan mengutip bayaran balik pinjaman berbanding sebelum ini usahawan Bumiputera liat hendak membayar balik pinjaman," katanya.

(END)